



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa yang maut dalam kejadian banjir di Kampung Iboi, Baling.

rubahan berlaku pada tingkah laku ketiga-tiga ahli keluarganya itu selain mengakui terkejut kerana tiga insan tersayang dipanggil menghadap Ilahi serentak.

Di samping itu, Mohd Khairul Asyraf berkata, jenazah ketiga-tiga ahli keluarganya itu dijangka dikuburkan di Kampung Charok Bemban, di sini selepas urusan di Unit Forensik Hospital Baling selesai.

Untuk rekod, jasad Nurul Anis ditemukan berpelukan dengan ibu mentuanya kira-kira 100 meter dari rumah mereka yang dihanyutkan kepala air.

Manakala, jasad Khairul

Ikhwan, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jerai pula ditemukan pada 11.55 pagi semalam juga tidak jauh daripada lokasi penemuan pertama.

Hujan lebat berterusan di kawasan berkenaan menyebabkan banjir kilat dan fenomena kepala air melanda beberapa kawasan di Mukim Kupang dan merosakkan sekurang-kurangnya 20 kampung.

Kawasan dilaporkan terjejas teruk adalah Kampung Iboi dan Kampung Tanjung Luas selepas berlakunya limpahan sungai di kawasan berdekatan.

Ibu hamil, mentua ditemui berpelukan

Baling: Jasad wanita hamil dan ibu mentuanya yang dihanyutkan kepala nyut sebelum tersangkut pada kayu dan batu menyebabkan mangsa terpe-

Isteri idam makan piza

Suami terkilan tidak sempat tunai permintaan arwah pasangan untuk keluar makan bersama

“Walaupun terkilan kerana tak sempat tunaikan permintaan arwah isteri untuk membawanya keluar makan hari ini (semalam), saya reda dengan apa yang berlaku,” katanya.

Berkongsi mengenai kandungan isterinya itu, Mohd Khairul Asyraf berkata, isterinya yang hamil empat bulan sepatutnya melakan pemeriksaan kandungan semalam malah arwah ti-

dak sabar untuk melihat jantina anak sulung mereka.

“Saya kerja dekat Pulau Pinang, memang berjanji dengan arwah isteri untuk pulang hari ini (semalam) nak bawa dia pergi

periksa kandungan dan bawa dia makan piza.

“Dia (isteri) juga beritahu tak kisah anak kami lelaki atau perempuan. Isteri juga seronok hendak membuat persiapan membeli barangan bayi,” katanya.

Mohd Khairul Asyraf berkata, sebaik dimaklumkan mengenai kehilangan ibu, isteri dan adik lakinya dalam kejadian kepala air itu, dia tidak berputus berdoa supaya mereka ditemui segera sebelum bergegas pulang.

“Alhamdulillah, mereka cepat ditemukan. Walaupun tidak lagi bernyawa saya reda dengan ketentuan Ilahi,” katanya. Katanya, tidak banyak pe-

air dari rumah mereka di Kampung Iboi ditemukan dalam keadaan berpelukan kira-kira 100 meter dari rumah mereka, semalam.

Mayat Nurul Anis Abu Hassan, 28, yang hamil empat bulan itu ditemukan bersama ibu mentuanya, Salmah Mat Akib, 53, pada 9.30 pagi di bawah timbunan batang pokok yang turut dihanyutkan arus deras.

Manakala, mayat mangsa ketiga, Khairul Ikhwani Nor Azman, 14, pula ditemukan pada 11.55 pagi tidak jauh dari lokasi penemuan mayat kedua-dua wanita terbabit.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Sayani Saidon berkata, kedua-dua jasad mangsa ditemukan dalam keadaan baik dan tiada kesan kecederaan.

Menurutnya, pihaknya percaya bongkah kayu dilanggar arus deras dan menghempap rumah mangsa.

“Mangsa dipercayai ha-

nyawa mangsa yang terperangkap di bawah timbunan kayu.

“Pasukan penyelamat ternampak kaki mangsa dan berjaya mengeluarkan mangsa pertama dan diikuti mayat kedua,” katanya ketika ditemui di lokasi mencari dan menyelamatkan (SAR), di sini, semalam.

Sayani berkata, mayat Khairul Ikhwani pula ditemukan dalam keadaan baik dan tiada kesan kecederaan tidak jauh daripada mayat kedua-dua wanita terbabit ditemukan.

“Mayat mangsa ketiga ditemukan tidak jauh dari kedudukan dua mayat sebelum ini.

“Jasad mangsa ketiga turut ditemui di bawah timbunan kayu sebelum operasi mengeluarkannya dilakukan pasukan penyelamat.

“Berikutan itu semua mangsa yang dilaporkan hilang dalam kejadian semalam (kelmarin) berjaya ditemui dalam operasi hari ini (semalam),” katanya.

Oleh M Hizduddin Ikhsan, Muhaamad Hafis Nawawi, Safuri Kamarudin, Zuliati Zulkiffli dan Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Baling

“Isteri, Nurul Anis Abu Hassan, 28, sepatutnya pergi klinik periksa kandungan hari ini (semalam). Malah, dia juga mengidam nak makan piza,” kata Mohd Khairul Asyraf Nor Azman, 24.

Mohd Khairul Asyraf kehilangan ibu, Salmah Mat Akib, 51; isteri, Nurul Anis dan adik, Khairul Ikhwani Nor Azman, 14, selepas mereka dihanyutkan kepala air yang berlaku di Kampung Iboi, Kupang di sini, kelmarin.

Mengulas mengenai penemuan mayat ahli keluarganya itu semalam, Mohd Khairul Asyraf berkata, dia bersyukur apabila jasad ketiga-tiga orang tersayang ditemukan tidak sampai 24 jam dalam keadaan sempurna selepas dilaporkan hilang kelmarin.



“Isteri seronok buat persiapan beli barangan bayi,” kata Mohd Khairul Asyraf